

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 47

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal satu undang-undang anti perkauman memandangkan isu-isu perkauman semakin berleluasa di kalangan rakyat Malaysia dan sekiranya ya, bilakah ia akan digubal.

**JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY],
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Namun, kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan YB Bukit Gelugor. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 serta Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Justeru, mereka yang sengaja

memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung dengan keharmonian antara kaum dan agama ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya, usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Sekian, terima kasih.